



Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 2781 .....  
No. Penerimaan ..... 507/85 .....

## Anthony terkejut lawatan tetamu kehormat

● ENCIK Anthony Jagaraj, 44 tahun, sedikit tidak menyangka beliau akan dikunjungi oleh beberapa orang tetamu kehormat ketika menderma darah di Pusat Perkhidmatan Darah, Hospital Besar, Kuala Lumpur pagi semalam.

Beliau yang telah menderma darah sebanyak 46 kali dikunjungi oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Haji Ali (dua dari kanan) dan beberapa orang ahli BAKTI yang melawat pusat tersebut semalam.

Encik Jagaraj, juga pernah menderma darahnya sebanyak tiga kali di Hospital Universiti, Petaling Jaya untuk membantu beberapa orang rakannya.

Seorang Pemeriksa Cap Jari di Bukit Aman, beliau mendapat tiga pingat emas, lima perak dan lima sijil atas 'jasa baiknya' itu.

Seramai 14 ahli BAKTI melawat pusat tersebut untuk meninjau lebih dekat kegiatan pusat itu. —  
Gambar Berita Harian oleh Yusof Omar.